

Proklamasi bagi satukan Melayu atau jatuhkan kerajaan?

KALAU dilihat kepada penggerak Proklamasi Melayu yang ditunjangi oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, semua mereka adalah pemimpin lama yang berada dalam perjuangan menegakkan Melayu Islam sejak sebelum merdeka.

Dr. Mahathir yang dikenali sebagai ultra Melayu pernah berada dalam UMNO, dipecat keahliannya dari parti itu pada September 1969. Pada 1972, menyertai pula UMNO dan terus bertapak dalam kerajaan hingga menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Begitu juga dengan Tan Sri Abdul Hadi Awang yang tidak pernah sebulu dengan Dr. Mahathir di mana kemuncaknya adalah tragedi Memali pada November 1985 yang mengorbankan 14 pengikut Pas dan empat anggota polis.

Puncanya adalah politik kebencian yang ditanam dalam kalangan para penyokong hingga menjadi taksu yang membawa pertumpahan darah. Kebencian itu ditanam oleh pemimpin Melayu kepada orang Melayu supaya membenci orang Melayu lain yang tidak sealiran dengan mereka hingga membawa kepada pecah-belah dan porak peranda kepada negara.

Hari ini pemimpin yang sama tampil dengan Proklamasi Melayu bertujuan menyatukan orang Melayu melangkaui garis politik.

Ada berkata ia sekadar naratif lama yang diulang di mana ia sepatutnya sudah diselesaikan ketika 22 tahun Dr. Mahathir menerajui negara. Begitu juga di pihak Abdul Hadi dan pemimpin Melayu lain, sepatutnya dulu lagi mereka sudah lunaskan 12 perkara dibangkitkan dalam proklamasi itu.

Semuanya adalah hal yang kita sudah sedia maklum sejak sekian lama iaitu orang Melayu lemah, mereka dikuasai pihak lain, ekonomi mereka teruk dan perlu disatukan semula.

Biar siapa pun yang memimpin dan berapa lama pun mereka pimpin negeri atau negara. Isu ini tidak pernah selesai (mungkin tidak pernah cuba diselesaikan) sebaliknya akan dikitar semua apabila hilang kuasa.

Sebab itu, ada yang bertanya adakah Proklamasi Melayu ini benar-benar untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu atau sekadar satu serangan untuk melemahkan kerajaan supaya boleh ditukar kerajaan?

Sejak Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), politik tidak pernah stabil. Ada saja pihak yang muncul dengan isu dan alasan tertentu untuk ubah kerajaan. Ada yang berkata, proklamasi itu juga tanda Dr. Mahathir telah mengetepikan Melayu sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri di bawah UMNO.

Dalam keadaan beliau tiada kuasa sekarang, proklamasi itu dilihat banyak pihak sebagai usaha untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ada kewajaran di sebalik kenyataan ini kerana Anwar adalah individu yang paling Dr. Mahathir tidak suka untuk jadi Perdana Menteri. Realitinya sekarang Anwar adalah Perdana Menteri, sepatutnya Dr. Mahathir dah para pemimpin yang bersamanya simpan amarah itu hingga pilihan raya umum akan datang.

Berilah ruang dan peluang untuk Anwar memimpin dan menadbir negara. Kasihanlah pada rakyat yang terpaksa menanggung akibat ketidakstabilan politik.

Jika Anwar gagal hukuman beliau pada pilihan raya umum akan datang.